



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

No. Pendaftaran : (4981)

No. 12A , Jalan TTDI Groves 1/2, Taman TTDI Grove, 43000 Kajang , Selangor
No. Te l: 03 8733 2705 / 2597 No. Faks : 03 8733 0427 Email : admin@koopbpm.com.my

No Fail: KoBPM/PEM (3) 2019 (4)
Tarikh: 26 December 2019

Semua Anggota
Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad

ATURAN PEMBIAYAAN PERIBADI KHAS

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

Dimaklumkan bahawa pihak KoBPM telah membuat pindaan untuk Aturan Pembiayaan Peribadi Khas di mana ianya telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 23 pada 26 Oktober 2019. Maka dengan ini Aturan Pembiayaan Peribadi Khas yang sebelum ini dimansuhkan.

Aturan Pembiayaan Peribadi Khas dengan pindaan ini digunapakai dan berkuatkuasa sertamerta. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Unit Pembiayaan untuk maklumat selanjutnya.

Perhatian dan kerjasama semua Anggota KoBPM dialu-alukan.

Sekian, Terima Kasih.

"SEPAKAT MENINGKAT KESEJAHTERAAN BERSAMA"

Yang Benar,
Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad


(ZULKIFLI MAHMOOD)
Pengurus Besar KoBPM



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

ATURAN PEMBIAYAAN PERIBADI KHAS

1.0 TAJUK

- 1.1 Aturan ini adalah dinamakan Aturan Pembiayaan Peribadi Khas untuk tujuan kecemasan Anggota yang memerlukan wang tunai.
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(a)(i), (b), 50(2)(iv) dan 50(v) KoBPM dan dikuatkuasakan selepas kelulusan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar.
- 1.3 Aturan ini meliputi semua aktiviti permohonan Pembiayaan Peribadi Khas bermula daripada penerimaan borang pembiayaan sehingga pembiayaan di jelaskan sepenuhnya.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 Di dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai.
- 2.2 'Bai AL-Inah' maknanya sebuah skim pembiayaan peribadi/khas yang disediakan kepada Anggota KoBPM bagi memenuhi sesuatu keperluan kepada Anggota.
- 2.3 'Anggota' maknanya anggota-anggota yang telah sah diterima masuk menjadi anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini dan tidak pernah mungkir daripada mencarum kepada bayaran bulanan yurannya kecuali Anggota Seumur Hidup.
- 2.4 'KoBPM' maknanya Koperasi Bank Pertanian Malaysia Berhad.
- 2.5 'ALK' maknanya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi ini.
- 2.6 'Anggota Seumur Hidup' adalah Anggota KoBPM yang telah diluluskan oleh ALK untuk menjadi Anggota ini dengan mengekalkan baki minima yuran sebanyak

RM3,000.00 dan Syer Wajib KoBPM sebanyak RM2,000.00 serta mematuhi terma dan syarat-syarat khas sebagai Anggota Seumur Hidup.

- 2.7 'Kelayakan penjamin' adalah Anggota yang masih layak menjamin setelah mengambil kira tanggungannya.
- 2.8 'Arahan bayaran' adalah kaedah yang digunakan untuk mengkreditkan pembiayaan ke dalam akaun penerima biaya sama ada menggunakan system, borang pemindahan, Arahan Patriot atau lain-lain kaedah yang sesuai.

3.0 TUJUAN


Tujuan Pembiayaan Peribadi Khas ini diwujudkan ialah untuk:

- 3.1 Mengurus segala aktiviti yang berkaitan dengan Pembiayaan Peribadi Khas mengikut lunas Islam berdasarkan Prinsip Bai Al'Inah.
- 3.2 Membantu Anggota yang memerlukan wang tunai untuk tujuan kecemasan.
- 3.3 Meningkatkan aktiviti kredit KoBPM dengan memberi Pembiayaan Peribadi Khas di bawah konsep Bai Al'Inah.
- 3.4 Punca Kewangan bagi menjalankan aktiviti ini adalah dari modal yuran Anggota dan punca-punca lain yang diharuskan oleh syarak dan tertakluk kepada kelulusan ALK.

4.0 KONSEP

- 4.1 Pembiayaan Bai Al'Inah adalah satu kaedah khusus untuk membolehkan pelanggan membeli sesuatu barang dari penjual pada harga kos campur keuntungan dan menanggung bayaran (installment payment) dan jual balik barang tersebut kepada penjual pada harga kos untuk mendapat tunai.
- 4.2 Dalam konteks KoBPM , Pembiayaan Bai Al'Inah boleh dibuat secara Anggota membeli aset kepunyaan KoBPM dan kemudian KoBPM membeli balik aset tersebut.
- 4.3 Kaedah operasi Pembiayaan Peribadi Khas adalah seperti dibawah:-
 - 4.3.1 Anggota memohon pembiayaan dari KoBPM.

- 4.3.2 Pihak KoBPM menjual aset KoBPM kepada Anggota pada harga kos + keuntungan secara kredit.
- 4.3.3 Anggota bayar balik kos + keuntungan secara ansuran
- 4.3.4 Anggota menjual balik aset tersebut kepada KoBPM pada harga kos sahaja.
- 4.3.5 KoBPM bayar kepada Anggota secara tunai.



5.0 KELAYAKAN

Terbuka kepada Anggota yang telah memenuhi syarat berikut ;

- 5.1 Menjadi Anggota tidak kurang dari 6 bulan bagi Anggota baru, manakala 12 bulan bagi Anggota yang berhenti tetapi diterima menjadi Anggota semula.
- 5.2 Telah menyempurnakan bayaran modal syer RM2,000 dan modal yuran RM1,000.
- 5.3 Kelayakan adalah tidak melebihi dari 55% DSR berdasarkan kerangka yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).
- 5.4 Bagi permohonan pembiayaan bertindih/'overlapping' hanya penerima biaya yang telah menjelaskan bayaran 1/3 daripada jumlah pembiayaan asal akan dipertimbangkan.
- 5.5 Bagi Anggota yang memohon pembiayaan yang bercagarkan yuran jumlah yang layak dipertimbangkan adalah pada had maksimum 80% sahaja daripada yuran terkumpul pada tarikh permohonan pembiayaan dibuat.
- 5.6 Kelayakan permohonan Anggota adalah tertakluk kepada perubahan masa ke semasa dengan kelulusan ALK.

6.0 HAD PEMBIAYAAN

- 6.1 Pembiayaan Peribadi Khas adalah dihadkan kepada maksimum RM5,000.
- 6.2 Bagi Anggota yang Mantan kakitangan Agrobank dan KoBPM (Bersara/Berhenti), kelayakan adalah sama sepertimana anggota 6.1 kecuali bagi Anggota yang berumur melebihi 65 tahun pada tempoh pembiayaannya matang, kelayakan permohonan pembiayaan boleh dipertimbangkan.
- 6.3 Had pembiayaan bergantung kepada perubahan dari masa ke semasa tertakluk kepada kelulusan ALK.

7.0 TEMPOH PEMBIAYAAN

- 7.1 Tempoh pembiayaan adalah antara 6 (enam) bulan sehingga 2 (dua) tahun.
- 7.2 Tempoh pembiayaan tertakluk kepada perubahan masa ke semasa dengan kelulusan ALK.

8.0 KADAR KEUNTUNGAN

- 8.1 Kadar keuntungan adalah sebanyak 5.00% setahun bagi pembiayaan yang bercagarkan 80% dari yuran
- 8.2 Kadar keuntungan adalah tertakluk kepada perubahan masa ke semasa dengan kelulusan ALK.

9.0 BAYARAN PERKHIDMATAN

- 9.1 Bayaran perkhidmatan untuk setiap permohonan adalah RM20.00.
- 9.2 Penyelesaian awal setiap pembiayaan akan dikenakan bayaran sebanyak RM10.00.
- 9.3 Pembiayaan bertindih akan dikenakan caj sebanyak RM20.00.
- 9.4 Semakan kredit dilakukan untuk setiap pembiayaan bagi memastikan jaminan ke atas penerima biaya dan juga penjamin dikenakan caj sebanyak RM10.00.

- 9.5 Bayaran perkhidmatan seperti 9.1, 9.2, 9.3, 9.4 dan lain-lain bayaran yang dikenakan kepada Anggota yang memohon pembiayaan adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa dengan kelulusan ALK.

10.0 KUASA MELULUS

Mana-mana 1 (satu) daripada ALK dari Jawatankuasa Pembiayaan Anggota diberi kuasa untuk melulus atau menolak permohonan pembiayaan.

11.0 POTONGAN PENJAMIN

Bagi Anggota yang gagal membayar balik pembiayaan selepas diambil tindakan sewajarnya sehingga dikeluarkan notis pemotongan gaji penjamin, maka baki pembiayaan tertunggak hendaklah dibuat melalui 3 opsyen kaedah potongan berdasarkan kes-kes yang berbeza tertakluk kepada keputusan dan kelulusan Jawatankuasa Pembiayaan Anggota sepertimana berikut:-

- 11.1 Opsyen 1 - Potongan pendapatan/yuran/saham seorang penjamin / seorang penerima biaya sahaja. Kadar tanggungan biaya adalah 100%
- 11.2 Opsyen 2 - Potongan pendapatan/yuran/saham 2 orang penjamin tanpa penerima biaya. Kadar tanggungan biaya adalah 50%:50%
- 11.3 Opsyen 3 - Potongan pendapatan/yuran/saham 2 orang penjamin dan seorang penerima biaya (pewaris jika penerima biaya telah meninggal dunia/hilang). Kadar tanggungan biaya adalah 33% dari baki tunggakan.

Perincian kepada ketiga-tiga opsyen tersebut adalah seperti berikut:-

Senario	Opsyen
Penerima biaya hilang/tidak dapat dikesan/bankrap	2
Penerima biaya masih hidup dan dapat dikesan serta mampu bayar balik	3
Penerima biaya enggan bayar/tidak mampu membuat pembayaran balik	2
Penerima biaya yang telah meninggal dunia tetap masih ada baki tunggakan	2 atau 3
Salah seorang penjamin meninggal dunia/bersara/tidak dapat dikesan/bankrap/tidak mampu bayar	1 atau 2


13.0 PELAKSANAAN

Aturan ini telah diterima dan dipersetujui di dalam MAT KoBPM kali ke 23 pada 26 Oktober 2019 dan dilaksanakan serta merta.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large 'C' followed by the name 'M. M. M.' and a long horizontal stroke.

SETIAUSAHA KoBPM

CARTA ALIR PEMBIAYAAN PERIBADI KHAS



CARTA ALIR PEMBIAYAAN PERIBADI KHAS

